

15/05/2014 - Lawatan Kerja Ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Haji Othman bin Mustapha

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Othman bin Mahmood

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Haji Razali bin Shahabudin

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, JAKIM

Yang Berbahagia Tuan Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim

Timbalan Ketua Pengarah Dasar, JAKIM

Yang Berbahagia Tuan Haji Awang Khalid bin Mat Ali

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan, JAKIM

Yang Berbahagia Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin dan seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan para penggalas amanah Perkhidmatan Hal Ehwal Islam yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita bertemu di majlis yang cukup signifikan pada hari ini. Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di atas kesediaan dan komitmen bagi menjayakan pertemuan pada hari ini yang membolehkan saya menyampaikan sepatah dua kata dan berinteraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Semoga pertemuan ini akan dapat menjalinkan tali ukhuwah di antara kita dan secara tidak langsung akan membantu memantapkan lagi Pengurusan Hal Ehwal Islam di negara ini khususnya dan perkhidmatan awam Malaysia secara keseluruhannya.

JAKIM BERSAMA-SAMA DALAM ARUS TRANSFORMASI NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Sepertimana sedia maklum, negara kita telah memulakan perjalanan ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Usaha ini telah dipergiatkan menerusi Dasar Transformasi Negara yang diperkenalkan pada tahun 2009 merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan yang terkini, Program Transformasi Sosial. **Pada 12 Mei baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pencapaian prestasi program tranformasi** terbabit

dimana **ketujuh-tujuh NKRA atau Bidang Keberhasilan Utama telah melebihi sasaran pencapaian iaitu sebanyak 104 peratus.** Pengumuman ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar kejayaan pencapaian ini adalah disumbangkan oleh penjawat awam yang bertanggungjawab dalam menggubal dan melaksanakan dasar secara berkesan.

3. Mungkin ada dalam kalangan warga JAKIM yang bertanya, **apakah peranan yang boleh dimainkan dalam arus transformasi negara yang kini telah memasuki fasa yang lebih rancak.** Malaysia merupakan negara contoh dalam kalangan negara-negara Islam yang **menonjolkan agama Islam sebagai sebuah agama progresif** dimana masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan agama dapat hidup aman makmur disebalik pencapaian ekonomi yang memberangsangkan. Ini tidak mungkin tercapai tanpa penggubalan dan pelaksanaan dasar yang berkesan terutamanya yang melibatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Justeru itu, JAKIM memainkan peranan yang penting dalam memastikan program-program transformasi yang dilaksanakan oleh Kerajaan tidak terjejas akibat **ketidakstabilan sosial yang berpunca daripada silap faham terhadap agama Islam** atau **elemen-elemen ekstremis agama.**

4. Selain daripada itu, **JAKIM juga berperanan untuk membantu dalam perkembangan sektor ekonomi** negara terutamanya yang ada kaitan dengan agama Islam seperti dalam sektor makanan dan minuman atau F&B. JAKIM amat dikenali dan disegani dengan kewibawaan menerajui pengurusan halal di Malaysia. Bahkan, kewibawaan halal JAKIM ini juga mendapat perhatian negara-negara dunia terutamanya berhubung prosedur pengesahan halal dan kaedah yang digunakan ke peringkat persidangan luar negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya telah difahamkan bahawa JAKIM melalui Bahagian Hab Halal telah dianugerahkan **SME Sahabat Negara Award 2013** oleh SMI Association of Malaysia pada 13 Disember 2013 sempena SME Recognition Award 2013. Disamping itu, JAKIM juga mendapat **pujian kerana memperkenalkan aplikasi Halal Square dan Halal Verified Engine (HVE). Syabas diucapkan!** Penganugerah dan pujian seumpama ini merupakan salah satu pengiktirafan terhadap JAKIM di dalam membangunkan industri halal di dalam negara khususnya dalam kalangan SME. Kendatipun begitu, JAKIM perlulah berusaha untuk menambahbaik prosedur pengesahan halal sebagai contoh, menyingkatkan proses permohonan oleh pengusaha-pengusaha industri tanpa mengkompromikan aspek hukum halal dalam pensijilan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. **YAB Perdana Menteri dalam perhimpunan Hari Pekerja Perkhidmatan Awam pada 1 Mei** baru-baru ini, telah memberi penekanan kepada beberapa teras yang perlu dihayati dan diamalkan oleh penjawat awam. Teras-teras tersebut adalah:

- i. **Budaya ilmu** yg memerlukan kita mempertingkatkan amalan membaca dan sentiasa mempertingkatkan pembangunan diri;
- ii. **Meningkatkan kebolehpercayaan rakyat** dengan bersikap jujur, amanah dan berintegriti;
- iii. **Amalan kerja terbaik** yang memerlukan disiplin, fokus, dinamik dan menepati masa agar keyakinan rakyat kepada kita akan bertambah;
- iv. **Bersemangat patriotisme** amat penting dipupuk dan ditanam agar ia membenihkan rasa cinta dan sayang pada negara; dan
- v. **Berbudaya keberhasilan atau outcome based** yang memerlukan kita mencapai KPI yang telah ditetapkan berdasarkan kepada *engagement* dengan rakyat untuk memenuhi ekspektasi mereka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. **Warga JAKIM perlulah mempertingkatkan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang** dari semasa ke semasa kerana sebagai sebuah komuniti yang berkhidmat di JAKIM, nescaya tuan-tuan dan puan-puan telah diamanahkan dan kompeten untuk mengembangkan syiar Islam menerusi penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar Islam yang bukan sahaja meliputi ummah Islam, tetapi memberikan kesan terhadap aspek kehidupan orang bukan Islam. Sebagai contoh, aspek hukum halal dan haram meliputi segala aspek kehidupan seorang umat Islam. Bagi kebanyakan orang bukan Islam, mereka mungkin memikirkan ia hanya melibatkan aspek pemakanan. Malah, proses pengesahan halal difikirkan hanya melibatkan proses penyembelihan dan asal usul sesuatu makanan. Sebaliknya, dalam Islam ia lebih daripada itu dimana proses kebersihan penyediaan makanan juga dititikberatkan. Begitu juga dalam sektor kewangan yang memperlihatkan sektor perbankan Islam semakin berkembang di pasaran kewangan antarabangsa. Konsep riba dan perkongsian keuntungan merupakan elemen penting perbankan Islam yang perlu diperjelaskan. Disinilah nasihat YAB Perdana Menteri menjadi relevan, iaitu **kita perlu mempunyai ilmu dan kemahiran khususnya kemahiran berkomunikasi untuk memperjelaskan mengenai agama Islam kepada yang bukan Islam serta mempunyai KPI dalam memastikan penyampaian perkhidmatan memenuhi keperluan pelanggan JAKIM, samada dalam kalangan orang Islam atau bukan Islam.**

8. Saya dimaklumkan bahawa JAKIM telah melakar beberapa kejayaan besar antaranya dari segi penggunaan teknologi ICT dalam penyampaian perkhidmatan dan penyebaran ilmu dan kandungan Islam kepada khalayak ramai. Pada 5 Mac 2013, JAKIM telah dianugerahkan '*best mobile app*' untuk aplikasi mobil JAKIM iaitu **myJakim** oleh *FutureGov*, dengan sokongan padu pihak MAMPU dan MOSTI. Aplikasi mobil **myJakim** telah membuka lembaran baru usaha penyebaran kandungan, ilmu-ilmu Islam dan dakwah JAKIM secara umumnya. Ini selari dengan hasrat yang pernah saya sebut dalam Majlis Amanat KSN 2014 iaitu "**penjawat awam mesti mengurus persepsi menerusi hikmah dan kebijaksanaan**, contohnya apabila berhadapan dengan mereka yang

menggunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat palsu atau pandangan yang tidak benar.” Beberapa produk JAKIM yang berjaya merangkul anugerah inovasi seperti 'e-halal' dan **Zakat Drive Thru Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin** membuktikan bahawa JAKIM merupakan antara agensi Kerajaan yang berjaya menerapkan budaya inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

JAKIM BERPERANAN MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya yakin saudara-saudari sekalian sudah mengetahui konsep “**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**” yang berasaskan kepada enam prinsip iaitu:

- i. Keterbukaan daripada segi menerima pandangan orang lain terutamanya pelanggan yang memerlukan khidmat kita;
- ii. Turun Padang untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pegawai dan kakitangan serta pelanggan;
- iii. Musyawarah (*Engagement*);
- iv. Insaniah yang membawa maksud menjadikan pegangan agama sebagai teras dalam melaksanakan tugas;
- v. Kekitaan; dan

vi. Kerjasama Awam, Swasta dan NGO

10. Saya juga ingin menyarankan agar JAKIM dan agensi agama lebih peka, mendekati dan merasai denyut nadi rakyat dengan mengambil langkah proaktif untuk turun padang dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Sebagai contoh program yang saya namakan **Program Jejak Mesra Perkhidmatan Awam (Search and Assist)**, penjawat awam perlu bersikap proaktif untuk mengenal pasti golongan sasaran atau *target group* yang boleh diberikan perkhidmatan secara langsung tanpa perlu menunggu untuk rakyat datang kepada kita. Saya meletakkan keyakinan dan kepercayaan kepada warga JAKIM, bahawa tuan-tuan dan puan-puan telah berjaya mendekati semua kumpulan sasaran (*target group*) dalam setiap program dakwah yang dilaksanakan. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan dan diperkasakan lagi untuk masa hadapan.

JAKIM, JAWI DAN MAIWP MEMAJUKAN UMMAH SECARA NBOS

11. **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS** telah diperkenalkan Kerajaan untuk mengoptimalkan penggunaan sumber sedia ada ke arah menyampaikan perkhidmatan secara lebih berkesan kepada rakyat. Ia berteraskan kepada prinsip kos rendah, pantas dalam pelaksanaan dan berimpak tinggi. Sehubungan dengan itu, saya menyarankan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dapat berpadu tenaga dengan JAKIM dalam melaksanakan segala dasar dan transformasi negara ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

PEMERKASAAN SKIM PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Rasulullah S.A.W. pernah bersabda, "Sebaik-baik manusia di antara kamu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain" (Hadis Riwayat Al-Baihaqi daripada Jabir bin Abdullah r.anhu). Saya yakin tuan-tuan dan puan-puan di JAKIM lebih arif tentang perkara ini. Apa yang saya ingin kongsi ialah sebarang perbincangan mengenai kebolehan dan kecekapan Perkhidmatan Awam pada hakikatnya akan kembali kepada persoalan mengenai kualiti modal insan yang menganggotainya. Modal insan yang memiliki bakat terbaik, kemahiran dan keupayaan bertindak di luar kebiasaan merupakan aset utama bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

13. YAB Perdana Menteri sewaktu menyampaikan amanat dalam Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri pada 3 Mac 2014, telah menekankan kepada aspek pembangunan bakat melalui '*self improvement*' dan '*self development*'. Kedua-duanya berkait rapat dengan penguasaan dan penggunaan ilmu.

14. **Dalam menyokong pembangunan modal insan, saya akan terus mengadakan perbincangan dengan pihak JPA untuk menambahbaik skim-skim perkhidmatan** sebagai sumber motivasi dan dorongan kepada penyampaian perkhidmatan lebih baik oleh penjawat awam, **terutamanya yang berada di jabatan-jabatan tertutup atau *closed department* termasuk Skim Perkhidmatan Hal Ehwal Islam.** Ini termasuk pemangkuan pangkat lebih tinggi secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Dalam hal ini, suka saya menjelaskan disini bahawa pihak **YAB Perdana Menteri amatlah prihatin terhadap aspek kebajikan penjawat awam.** Pelbagai kemudahan, insentif dan penambahbaikan diluluskan pada tahun lepas seperti pemberian 2 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT), tambahan 3 KGT pada tangga gaji mereka yang telah mencapai gaji maksimum, penambahbaikan kepada 81 skim perkhidmatan dan sebagainya. Oleh yang demikian, warga penjawat awam perlulah beringat bahawa **Kerajaan akan sentiasa menambahbaik aspek kebajikan penjawat awam tertakluk kepada**

kedudukan kewangan negara. Mungkin sesetengah perkara mengambil masa sedikit untuk diluluskan, tetapi **Kerajaan sentiasa menepati janjinya.**

PENUTUP

15. Saya berkeyakinan pihak JAKIM akan terus melakar kejayaan demi kejayaan dalam menjadi satu organisasi yang mampu mendepani cabaran semasa dan membuktikan tahap keupayaan dan kompetensi yang tinggi untuk dijadikan contoh kepada agensi kerajaan yang lain. Semoga Allah SWT merestui niat murni dan memberkati segala usaha kita dalam mengharungi segala cabaran bagi melaksanakan tuntutan agama dan menjayakan agenda transformasi serta membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negara.

Sekian,

Wabillahitaufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.